

06-05-2017

>>Produk menang tempat **kedua** pada Pameran Advanced Innovation and Engineering **2017**

HARIAN METRO

MUJARAB BIJI BETIK

Lima pelajar cipta produk hapus jentik-jentik tanpa guna bahan kimia

Shahrinnahar Latib
am@hmetro.com.my

Kuantan

Siapa sangka dengan hanya menggunakan biji betik, kumpulan pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Rangin, di sini, menghasilkan produk membunuh jentik-jentik tanpa campuran bahan kimia.

Lebih membanggakan cip-

taan Nur Farhah Hany Fa-karudin, Aiman Musyrif Ah-mad Sharifuddin, Nurul Ad-lina Zamrol, Muhammad Lu-qman Kahairi dan Amierul Haadif Azhari, masing-masing 17 tahun memenangi tempat kedua pada Pameran Advanced Innovation and Engineering 2017.(AINEX 2017) bagi kategori sekolah, kelma-riin.

Wakil kumpulan itu, Nur Farhah Hany berkata, produk dinamakan Charica itu hasil kajian mereka sejak

April tahun lalu.

“Kami membuat kajian menghasilkan produk ini selepas melihat penularan wabak demam dengan semakin meningkat di kawasan tamans perumahan di sekitar sekolah ini.

“Kami menyedari nyamuk aedes perlu dihapuskan bermula daripada jentik-jentik dan sebab itu kami melakukan kajian untuk menghasilkan produk ini,” kata-nya ketika ditemui di Uni-versiti Malaysia Pahang

(UMP), di sini.

Kemenangan itu membolehkan mereka membawa pulang wang tunai RM250, medal dan sijil penyertaan.

Menurutnya, produk itu hasil campuran ekstrak biji betik dan daun pandan tanpa



FOTO: SHAHRINNAHAR LATIB

LIMA pelajar SMK Bukit Rangin yang menghasilkan ubat membunuh jentik-jentik dinamakan Charica di Universiti Malaysia Pahang (UMP), Kuantan.

FAKTA
Charica adalah hasil idea guru dan rakan pelajar

campuran bahan kimia seperti produk lain.

“Ia tidak berbahaya kepada kesihatan manusia dan berkesan membunuh jentik-jentik termasuk di dalam akuarium tanpa membunuh ikan. Produk ini sesuai digunakan di rumah tanpa perlu bimbang jika kanak-kanak terimumnya kerana tidak memberi kesan terhadap kesihatan manusia,” kata-nya.

Katanya, Charica adalah hasil idea guru dan rakan pelajar yang bertungku-lumus siang dan malam membolehkan produk itu dihasilkan.

“Setakat ini, ia tidak lagi dipasarkan di mana-mana kerana masih dalam peringkat prototaip. Memang kami merancang memasarkan produk ini namun ia masih di peringkat kajian,” kata-nya.